

02/03/1999

D8 bertanggungjawab perbaiki kedudukan ummah

Kamal Ahmad

KUMPULAN Lapan Negara Islam Membangun (D8) bukan sebuah kelab elit atau eksklusif. Penubuhannya disertai misi memulihkan imej ummah, mempertingkatkan taraf hidup ummah dan memartabatkan Pertubuhan Persidangan Islam (OIC).

Pada peringkat awal, D8 memikirkan cara untuk menggerak dan menyatukan kemahiran, pakar, maklumat dan pengalaman negara anggota. Ia amat penting kerana langkah itu boleh menyatukan kekuatan umat dan negara Islam sejagat.

Ringkasnya, D8 mencerminkan pendapat mengenai Perkongsian Bestari atau situasi menang-menang. Tidak ada siapa yang rugi tetapi semua pihak untung.

Ini membuktikan perkongsian maklumat dan pengalaman lebih penting daripada pelaksanaan satu projek konkrit. Selama ini, negara Islam tidak ada daya usaha atau saluran untuk mengumpulkan kepakaran, pengalaman dan kekuatan dalam pelbagai bidang. Akibatnya, ramai pakar dan sumber di negara terbabit tidak diketahui dan tidak dimanfaatkan sesama umat Islam sendiri. Mereka lebih cenderung mengambil tenaga dan menggunakan kepakaran asing yang mahal kosnya.

"Kalangan umat dan negara Islam selama ini memang tidak ada pertukaran maklumat. Malah dalam bidang kewartawanan pun masing-masing lebih cenderung dan bergantung kepada agensi asing seperti Reuters," kata seorang pegawai kanan Wisma Putra ketika ditemui.

Melalui Deklarasi Istanbul, lapan projek dipersetujui untuk dilaksanakan. Ia adalah perdagangan, industri, komunikasi dan maklumat, kewangan, perbankan dan penswastan, pembangunan luar bandar, sains dan teknologi serta pertanian dan tenaga.

Faedah projek bukan hak eksklusif negara anggota malah akan dikongsi ummah sejagat iaitu untuk dinikmati rakyat 56 negara anggota Pertubuhan Persidangan Islam (OIC).

D8 disifatkan pemangkin kepada OIC seperti kewujudan dan matlamat Kumpulan 15 (G15) kepada negara anggota Gerakan Negara Berkecuali (NAM).

Untuk beberapa ketika menjelang dan selepas penubuhan D8 dan kini diperkatakan semula - kenapa keanggotaan terhad kepada lapan negara saja? Menurut Menteri Luar, Datuk Seri Syed Hamid Albar, jika jumlahnya besar, ia akan menyulitkan proses membuat ketetapan dan mencapai kesepakatan sekali gus memperlambatkan pelaksanaan agenda.

"Fungsi D8 juga memenuhi piagam OIC iaitu menyatukan negara Islam dan mewujudkan kerjasama di antara negara anggota," katanya.

Menurut Syed Hamid, kekuatan D8 ialah kerana ia kumpulan yang kecil dan lebih berfokus. Ini berbeza dengan OIC yang dianggotai 56 negara.

"Apabila ia lebih tertumpu, maka kita boleh melaksanakan pelbagai program. Selepas itu, kita boleh bawa hasilnya kepada OIC. Selama ini, OIC membincangkan bidang itu secara meluas.

"Tetapi dengan ada D8, kita tumpukan bidang mengikut kemampuan, keupayaan dan kebolehan kita.

"D8 tidak ghairah, kita tidak mahu terlalu bercita-cita besar tetapi tidak mampu melaksanakannya. Kita tidak mahu terperangkap dengan retorika serta pernyataan. Kita hendak sesuatu yang boleh dilaksanakan dan yang di dalam keupayaan kita," katanya.

Syed Hamid menegaskan, D8 ditubuhkan bukan untuk dilihat sebagai kelab eksklusif tetapi menggabung dan menggunakan kekuatan masing-masing untuk

memperbaiki kedudukan sosioekonomi ummah.

"Kita gunakan kekuatan masing-masing sebagai pemangkin untuk membangunkan kita bersama. Jika ini berjaya sebagai kumpulan yang kecil, ia boleh disuntik kepada OIC sebagai badan induk. "D8 memikul imej dan tanggungjawab ummah. Kita tidak boleh mengasingkan diri daripada arus perdana globalisasi tetapi menjadi sebahagian atau pemain daripada masyarakat antarabangsa yang berpengaruh.

"Selalu, orang kata kita banyak cakap daripada buat tetapi sekarang kita nak terbalikkan tanggapan itu," katanya.

Sidang kemuncak D8 dilihat sangat berkesan kerana keputusan dibuat mengikut peringkat sewajarnya. Ia bermula pada peringkat pegawai, menteri dan ketua negara.

"Sidang ini membabitkan ketua-ketua negara. Ini bermakna ada kekuatan, kesungguhan atau keazaman politik. Sebarang keputusan boleh dilaksanakan terus," kata Syd Hamid lagi.

Sidang kemuncak kedua D8 di Dhaka kali ini meneliti soal ekonomi global. Ini mungkin menjurus kepada isu kepincangan sistem kewangan antarabangsa termasuk kegiatan spekulasi mata wang. Jika ia dibangkitkan, ia semata-mata menyedari bahawa negara Islam termasuk anggota D8 ditimpa kesan sangat buruk daripada kegawatan ekonomi sekarang.

Malaysia dan Indonesia yang turut berpengalaman ditimpa kegawatan itu wajar memaparkan pengalaman masing-masing.

Kedua, sidang akan meneliti pelaksanaan aktiviti dan projek (tugasan) yang diberi kepada setiap negara anggota. Ini bermakna `sesi post-mortem' wajar dilangsungkan untuk mengenal pasti kelemahan pada peringkat awal dan seterusnya memperkasa tindakan baru.

Sidang juga akan mengkaji dan menimbang projek baru. Tindakan ini wajar kerana skop baru kerjasama perlu dikenal pasti dan dilaksanakan segera demi memenuhi kepentingan ummah.

Syed Hamid berkata: "Sidang menyemak soal ekonomi dan kewangan globalisasi selain projek dan aktiviti dilaksanakan D8. Kita juga meneliti apa-apa projek baru kerana D8 ditubuhkan di bawah OIC dan berbentuk action oriented.

"Kita hanya terbabit dalam projek khusus yang dianggap praktikal dan boleh dilaksanakan. Kita juga bertukar maklumat dan pengalaman," katanya.

Di Istanbul pada 1997, Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad mengingatkan negara membangun mengenai ancaman hegemoni (pengaruh atau penguasaan sesebuah negara terhadap negara lain) politik dan ekonomi yang akan dihadapi, jika gagal mewujudkan kestabilan politik.

"Pembentukan empayar adalah sesuatu yang sudah berlalu. Tetapi hegemoni politik dan ekonomi tidak pernah berkubur," katanya pada sidang puncak pertama D8 itu.

Kenyataan itu kini terbukti dengan berlakunya kegiatan spekulator mata wang antarabangsa yang mana tindakan mereka melumpuhkan ekonomi dan kewangan banyak negara membangun.

Pada sidang kemuncak kedua D8, Dr Mahathir memberi fokus beberapa isu globalisasi khususnya kelemahan sistem kewangan antarabangsa dan kekeliruan tafsiran mengenai hak asasi.

Justeru, D8 dilihat sebagai nadi baru Muslim dan negara Islam menjana usaha meningkatkan perpaduan, kesepakatan dan kerjasama sosioekonomi. Usaha segera perlu bagi melaksanakan projek yang memberi faedah bersama kerana ummah dan negara Islam semakin hampir kepada kesan negatif dan ketidakadilan aliran globalisasi yang `dikuatkuasakan' oleh Barat.

Hasil kesungguhan dan keazaman politik ketua-ketua negara D8, perancangan rapi dan komitmen kental sangat perlu untuk merealisasikan matlamat sekali gus melindungi kepentingan ummah sejagat daripada tekanan globalisasi.

Pengarah Eksekutif D8, Ayhan Kamel, berkata globalisasi masa kini kian mendapat momentum. Hubungan ekonomi antarabangsa semakin saling berkait. Justeru, perkumpulan ekonomi menjadi instrumen yang sangat penting untuk menggalakkan kerjasama di kalangan anggota ekonomi sejagat.

"Adalah hakikat geografi bagi negara anggota D8 terletak berjauhan. Namun, disebabkan kecanggihan teknologi, telekomunikasi dan pengangkutan, dunia kian sempit. Yang penting, wujudnya keazaman politik dan kesungguhan kalangan anggota D8 untuk menggalakkan kerjasama.

"D8 adalah kumpulan negara yang berkongsi persamaan objektif dan ikatan. Ini adalah aset paling penting bagi D8 untuk memperolehi kekuatan," katanya dalam kata penghantar buku maklumat D8.

(END)